

UTUSAN BORNEO 24 NOVEMBER 2016



DATUK Suhaili Mohd Said (BN-Tungku, duduk tengah) bergambar bersama para pemimpin Umno DUN Tungku.

Pelabuhan kontena POIC pemangkin industri pelabuhan

PELABUHAN kontena Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) Lahad Datu yang dijangka siap pada 2018 mampu menjadi hab kepada industri pelabuhan.

Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian Datuk Seri Panglima Raymond Tan Tsu Kiah berkata pelabuhan kontena POIC mempunyai kapasiti pengendalian sebanyak 50,000 TEU setahun.

Katanya kemudahan berkenaan juga berkeupayaan melabuhkan Kapal Panamax yang berkapasiti 65,000 'deadweight tonnage' (DWT).

"Pelabuhan kontena ini

pemangkin pembangunan utama untuk menyokong aktiviti perindustrian.

"Ia juga berperanan memenuhi keperluan serta permintaan logistik pelabur sedia ada dan pelabur-pelabur berpontensi di POIC Lahad Datu.

"Selain itu pelabuhan kontena ini menggalakkan lagi kemasukan lebih ramai pelabur tempatan dan asing ke Sabah khususnya dalam sektor perindustrian," jelasnya.

Beliau menjawab soalan Datuk Mohamad Alamin (BN-Bongawan) mengenai status kemajuan pembinaan pelabuhan kontena di POIC Lahad Datu.

Menurutnya apabila tiba masanya, kapasiti yang disediakan untuk pelabuhan berkenaan dapat ditingkatkan dari 50,000 kepada 250,000 TEU yang seimbang dengan kapasiti Pelabuhan Sepanggar.

Raymond berkata kedudukan strategik pelabuhan kontena POIC membolehkan akses dari semua wilayah di Asean.

Sehubungan itu, beliau berharap kelebihan berkenaan akan menjadikan pelabuhan itu sebagai satu hab untuk aktiviti perdagangan secara perkapalan (transshipment) sebagaimana yang dirancang untuk Pelabuhan Sepanggar.